

## Pembinaan Identiti Kepimpinan dalam Wacana Politik

ROHAIDAH HARON  
MADIAWATI MAMAT@MUSTAFA  
MAIZIRA ABDUL MAJID  
*Universiti Malaya*

### ABSTRAK

Dari perspektif analisis wacana (lisan atau tulisan), pemilihan dan penggemblengan unit-unit linguistik oleh pewacana harus dimanfaatkan sebaik-baiknya. Hal ini kerana dalam wacana, terkandung pelbagai proses sosial dan satu daripadanya ialah identiti. Sehubungan itu, pendekatan yang bersesuaian diperlukan untuk merungkai dan menjelaskan proses sosial tersebut. Pembinaan dan pengukuhan identiti dalam wacana dilihat sangat penting, khususnya kepada pemimpin yang baru dipilih dan dilantik menerajui sesebuah parti politik. Justeru, soal pembinaan identiti dalam wacana politik dilihat sangat penting untuk diteliti. Hecht (1993), Keller (1997), dan Hall (2002) antara pengkaji yang menegaskan bahawa bahasa dan identiti tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, dalam komunikasi, pemilihan unit-unit linguistik sangat penting kerana ia berupaya mencerminkan identiti seseorang pemimpin. Sehubungan itu, kajian ini memanfaatkan ucapan tujuh orang bekas Presiden UMNO sebagai data kajian. Secara khusus, naskhah ini bertujuan mengenal pasti kepelbagaian kata ganti nama diri (KGND) pertama yang wujud dalam ucapan tujuh orang bekas Presiden UMNO, selanjutnya mentafsir dan menjelaskan hubungan bahasa dengan pembinaan identiti seseorang presiden parti politik. Hasil kajian mendapati KGND pertama seperti *saya*, *kita* dan *kami* telah berupaya menjelaskan sama ada seseorang pemimpin itu cenderung bersifat pamer diri, keindividuan, kekitaan, kebersamaan, berkuasa dan sebagainya. Oleh itu, dalam komunikasi politik, KGND turut menyumbang kepada pembinaan identiti seseorang pemimpin. Memandangkan kajian ini berhasrat mempertalikan aspek bahasa dengan pembinaan identiti maka pendekatan analisis wacana kritis dijadikan landasan bagi menganalisis data ini.

**Kata kunci:** *Analisis wacana, analisis wacana kritis, kata ganti nama diri (KGND), pembinaan identiti, Presiden UMNO.*

## Leaderships Identity Development in Political Discourse

### ABSTRACT

Discourse encompasses various social processes, and one of them is identity. From the perspective of discourse analysis, a suitable approach is vital to demystify and explicate it. Political leaders gain influence by the means of politics, hence the establishment of leadership identity in the form of discourse (both spoken and written) is crucial especially to newly elected leaders of a government or a particular political party. This thus furthers the ground to scrutinise the notion of identity development in political discourse. Hecht (1993), Keller (1997) and Hall (2002), among others, put forward the emphasis that language and identity are inseparable. The appropriate language selection is therefore able to display the identity of a leader. The present study aims to examine the extent of whether political discourse, particularly the aspect of personal pronouns (PP), is able to dictate leadership identity of a political party's president. The piece also ascertains various forms of PP with subsequent

elucidations on the relationship between discourse and identity development. PP such as 'saya', 'kita' and 'kami' are able to exude whether a leader has the tendency of self-display, individuality, togetherness, unity, authority etc. In doing so, the study extrapolates speeches of seven former UMNO Presidents as the data. A critical discourse analysis (CDA) approach is opted to serve the purpose of the study as it holds both language studies and their background social processes parallel.

**Keywords:** *Discourse analysis, critical discourse analysis (CDA), personal pronouns (PP), identity development, UMNO Presidents*

## PENGENALAN

Setiap pemimpin, khususnya pemimpin politik mesti mempunyai kemahiran berwacana yang baik dan cekap agar khalayak berasa yakin dengan kepimpinannya. Oleh itu, mereka seharusnya mampu menggembleng bahasa dengan tepat, menarik, dan bertenaga ketika berkomunikasi dengan para pengikutnya. Bagi seseorang pemimpin, kemahiran memanfaatkan bahasa sangat penting kerana pelbagai perkara dapat ditafsirkan melalui wacana seseorang pemimpin dan satu daripadanya ialah soal identiti. Hubungan antara bahasa dengan identiti tidak dapat dipisahkan, oleh itu pembinaan identiti dalam ucapan pemimpin dilihat sangat penting, khususnya kepada pemimpin yang baru dipilih oleh rakyat, seterusnya dilantik memegang tampuk pentadbiran kerajaan, mahupun parti politik. Oleh itu, pemilihan bahasa penting kerana ia berupaya mencerminkan identiti seseorang pemimpin. Dalam hal ini, Alo (2003) menjelaskan bahawa komunikasi dianggap pusat daripada seluruh sikap, perilaku, dan tindakan yang trampil daripada manusia (*communication involves both attitudes and skills*). Oleh itu, seseorang pemimpin perlu peka terhadap penggunaan bahasa mereka ketika berkomunikasi (lisan atau tulisan) dengan khalayak.

Naskah ini bertujuan meneliti sejauh mana aspek bahasa, khususnya aspek kata ganti nama diri (KGND) pertama berperanan dalam pembinaan identiti kepimpinan seseorang presiden parti politik. Penulisan ini turut mengenal pasti kepelbagaian KGND, selanjutnya mentafsir dan menjelaskan hubungan wacana dengan pembinaan identiti. Sehubungan itu, kajian ini memanfaatkan ucapan tujuh orang bekas Presiden UMNO sebagai data kajian. Untuk mencapai matlamat kajian ini, pendekatan *critical discourse analysis* (CDA) diguna pakai memandangkan CDA melihat kajian bahasa tidak terpisah daripada proses sosial yang berlaku dalam masyarakat.

Kajian berkaitan KGND bertujuan meneliti dan mentafsir cara-cara presiden membina identiti sebagai pemimpin yang baru sahaja dipilih dan dilantik, oleh itu ucapan tahun-tahun awal dilantik adalah wajar untuk diteliti. Soal identiti kepimpinan merupakan satu perkara yang penting terutamanya bagi seseorang pemimpin yang baru sahaja dipilih oleh ahli-ahli UMNO dan dilantik untuk menerajui sesebuah parti politik, pertubuhan atau kerajaan. Sebaik sahaja dilantik, seseorang pemimpin perlu mewujudkan identiti mereka yang tersendiri, tidak kiralah dari segi penampilan, bahasa, tindak-tanduk, misi, dan sebagainya. Setiap pemimpin berusaha mencipta sesuatu yang menjadi identiti dirinya sebagai pemimpin (identiti individu) dan identiti kepimpinannya yang baru. Sebagai contohnya, Abdul Razak Hussein terkenal dengan dasar ekonomi, iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB), pembukaan FELDA dan FELCRA. Mahathir Mohamad pula telah memperkenalkan slogan Bersih, Cekap, dan Amanah, Dasar Pandang ke Timur, dan Wawasan 2020 dalam pentadbirannya. Presiden UMNO keenam, iaitu Abdullah Ahmad Badawi

mementingkan kerja berpasukan dan popular dengan slogan, 'Marilah Bekerja Bersama Saya, bukan bekerja untuk saya', manakala Gagasan 1 Malaysia dengan slogan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan sinonim dengan presiden ketujuh UMNO, iaitu Najib Razak. Jelaslah bahawa seseorang pemimpin yang baru dilantik perlu membina identitinya sebagai seorang pemimpin, malah mengukuhkan identiti tersebut dari semasa ke semasa sepanjang pemerintahannya sama ada dalam parti politik ataupun dalam pentadbiran kerajaan.

Identiti seseorang pemimpin dapat diteliti dan ditafsir menerusi hubungan komunikasinya bersama rakyat ataupun para penyokongnya. Dalam hal ini, Maimunah (2000) menjelaskan bahawa komunikasi dan perhubungan interpersonal mempunyai objektif bagi mengurangkan sikap saling tidak mengenali dan tidak mempercayai antara satu sama lain. Unsur penting ialah kepercayaan orang terhadap kita dan perkataan, iaitu bahasa seseorang. Sehubungan itu, pemimpin yang baru sahaja dipilih dan dilantik sebagai ketua perlu menarik perhatian dan membina keyakinan para pengikutnya terhadap kepimpinannya menerusi bahasa, iaitu ucapannya.

Wacana akan dianalisis dari sudut cara pembentukannya berdasarkan faktor-faktor sosial dan dari sudut bahawa wacana mempunyai unsur-unsur sosial, dan bukannya dari satu sudut sahaja sebagaimana lazim dalam kajian struktur atau lakuan bahasa dalam tradisi pragmatik. Menurut Fairclough, wacana selalunya membina secara serentak;

1. identiti sosial subjek atau pemeran, kedudukan sosialnya, dan jenis diri,
2. hubungan sosial antara manusia, dan
3. Sistem pengetahuan dan kepercayaan, walaupun dengan darjah kepentingan yang berbeza dalam kes-kes yang berbeza.

(Idris, 2006).

Bertitik tolak daripada ulasan Idris (2006) berkenaan pandangan Fairclough tersebut, dapat dinyatakan bahawa pembinaan dan pengukuhan identiti seseorang pemimpin dalam sesebuah organisasi dapat ditafsir menerusi unit-unit linguistik yang tertentu. Satu daripada unit linguistik yang ditafsir mampu membina pengidentitian seseorang pemimpin ialah kata ganti nama diri (KGND) pertama. Pemanfaatan KGND pertama dalam komunikasi seperti *saya*, *kita*, dan *kami* mampu membayangkan identiti pemimpin tersebut sama ada cenderung bersifat pamer diri, keindividuan, kekitaan, kebersamaan, atau berkuasa.

#### SOROTAN KAJIAN

Bahagian ini akan menyorot kajian-kajian lepas berkaitan kata ganti nama diri, identiti, dan wacana ucapan politik oleh para pengkaji terdahulu. Terdapat lima kajian berkaitan kata ganti nama diri yang akan di jelaskan dalam bahagian ini, iaitu kajian-kajian oleh Imran Ho Abdullah dan Hazidi Abdul Hamid (2003), Rozaimah Rashidin dan Nor Diyana Saupi (2011), Norwati Mohd Zain dan Hishamudin Isam (2013), Harishon dan Phylisia (2015), Fazal Mohamed dan Mohd Romzi (2015), serta Maslida Yusof (2018). Kajian-kajian tersebut membincangkan berkaitan kata ganti nama dengan data dan metod yang pelbagai serta mensasarkan matlamat kajian yang juga berbeza-beza.

Imran Ho Abdullah dan Hazidi Abdul Hamid (2003) mengkaji berkenaan bahasa (tumpuan kata ganti nama diri) dengan tumpuan terhadap ucapan pemimpin. Kajian yang bertajuk *Conceptualising Us and Them: A Study of the Presidential Address in the UMNO General Assemblies 1990-2000* memfokuskan penggunaan *us* dan *them* dalam ucapan Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO, iaitu dalam tempoh sepuluh tahun.

Harishon dan Phylisia (2015) menerusi kajian yang bertajuk *Kata Ganti Nama Dalam Cerita Hikayat Iban* meneliti berkenaan kata ganti nama dalam cerita Hikayat Iban yang melibatkan tiga bentuk, iaitu panggilan mesra, emperian (hubungan yang rapat), dan ensumbar (kata gelaran).

Di samping itu, kajian oleh Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2016) yang bertajuk *Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS)* mengkaji variasi leksikal kata ganti nama (KGN) diri pertama 'saya', kedua 'kamu' dan ketiga 'mereka' dalam dialek Melayu di pesisir Sungai Perak. Kajian geo-dialek ini telah menggabungkan penelitian kebahasaan, iaitu dialek dengan maklumat bukan bahasa, iaitu bentuk muka bumi, persempadanan, migrasi dan sejarah. Sejumlah 200 orang responden daripada 20 buah kampung telah dipilih. Penganalisan data dengan berbantuan perisian *Geographic Information System (GIS)* disifatkan telah berjaya membantu pengkaji dalam mengemukakan paparan peta setiap variasi dan varian tertinggi leksikal KGN dialek di pesisir Sungai Perak.

Kajian oleh Rozaimah Rashidin dan Nor Diyana Saupi (2011) merupakan kajian deskriptif secara struktural dalam konteks sosiolinguistik ini meneliti kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga dalam situasi tidak formal. Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan kata ganti nama dalam dialek Kerinci yang berasal dari Sumatera, Indonesia. Kajian ini memfokuskan kawasan Kampung Parit Tengah, Yong Peng, Johor. Kajian yang memanfaatkan pendekatan oleh Dell Hymes (1974) ini disifatkan oleh pengkaji telah berjaya mendokumentasikan secara ringkas aspek kata ganti nama dalam masyarakat Kerinci di Kampung Parit Tengah, Yong Peng Johor. Penggunaan kata ganti nama dalam dialek Kerinci ini bukan sahaja melambangkan satu sistem bahasa tetapi satu warisan leluhur yang harus dipelihara oleh generasi muda masyarakat Kerinci di Malaysia.

Norwati Mohd Zain dan Hishamudin Isam (2013) menerusi artikel kajian bertajuk *Siapa 'Aku'? Analisis Blog Wanita dan Pengkid Berasaskan Pendekatan Prosodi Semantik* telah menjelaskan fenomena penggunaan leksis [aku] dalam blog gender wanita dan transgender pengkid dengan lebih empirikal. Penelitian terhadap makna leksis [aku] yang diperolehi daripada data blog ini mampu mendedahkan leksis-leksis lain yang berkolokasi dengan leksis [aku] sehingga mampu pula menterjemahkan aspek identiti, fizikal dan rohani golongan gender wanita dan transgender pengkid tersebut. Ciri-ciri yang membezakan leksis [aku] dalam blog gender wanita dan transgender pengkid dapat dikenal pasti dengan lebih sistematik. Menariknya kajian yang menggunakan data korpus blog ini adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa berasaskan contoh-contoh penggunaan bahasa yang sebenar dan dapat menjelaskan falsafah di sebalik pola bahasa yang wujud (Nor Hashimah Jalaluddin, 2010). Kajian ini juga diharap dapat dijadikan kajian

Fazal Mohamed dan Mohd Romzi (2015) pula menerusi kajian bertajuk *Kata Ganti Nama dalam Bahasa Mendriq* telah mengkaji bahasa suku orang asli, iaitu bahasa Mendriq. Bahasa Mendriq merupakan bahasa yang dituturkan oleh kaum orang asli yang dikenali sebagai Mendriq. Mereka mendiami perkampungan Orang Asli di Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan.

Menurut pengkaji, bahasa Mendriq dituturkan oleh sejumlah 245 orang sahaja, di sekitar tiga buah kampung, iaitu di Kampung Kuala Lah, Kampung Baru dan Kampung Kuala Stail. Kajian ini merupakan kajian lapangan yang telah dijalankan di Kuala Lah selama 6 bulan. Data kajian merupakan data primer yang dikutip daripada penutur natif bahasa Mendriq. Kajian ini membincang dan menghuraikan ganti nama bahasa Mendriq. Data dikumpulkan melalui kaedah bercerita seorang penutur natif bahasa Mendriq. Data ini terdiri daripada pelbagai jenis ayat. Namun begitu, kajian ini difokuskan pada ganti nama bahasa Mendriq sahaja. Ganti nama ini dianalisis secara deskriptif. Analisis deskriptif ganti nama mendapati bahawa ganti nama bahasa Mendriq mempunyai dua sifat. Sifat pertama ialah ada ganti nama yang mempunyai ketiga-tiga fungsi, iaitu subjek, objek dan pemilik, atau sekurang-kurangnya dua daripada fungsi yang telah disebut. Sifat kedua ialah ada ganti nama yang hanya mempunyai satu fungsi sahaja, iaitu sebagai subjek atau objek, atau pemilik sahaja. Namun setiap jenis ini dapat mewakili ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga.

Maslida Yusof (2018) menerusi kajian bertajuk *Trend Ganti Nama Diri Bahasa Melayu dalam Konteks Media Sosial* meneliti trend penggunaan kata ganti nama diri dalam kalangan pengguna media sosial. Kajian beliau memanfaatkan aplikasi *WhatsApp* sebagai mewakili medium komunikasi dalam media sosial untuk mendapatkan data kata ganti nama diri. Aplikasi *WhatsApp* yang digunakan dalam telefon pintar dipilih sebagai sumber data memandangkan medium ini semakin popular dalam masyarakat kini. Pengkaji menggunakan *Tatabahasa Dewan* (2008) sebagai panduan kajian dan mendapati empat bentuk kata ganti nama diri digunakan dalam perbualan pengguna *WhatsApp*, iaitu kata ganti nama diri pertama (penutur), kata ganti nama diri kedua (pendengar), kata ganti nama diri ketiga (sasaran) dan kata ganti nama diri kosong. Kajian juga mendapati tiga bentuk kata ganti diri yang menjadi trend dalam aplikasi *WhatsApp* iaitu kata ganti nama diri singkatan, kata ganti nama diri dialek dan kata ganti nama diri kontemporari. Dalam konteks komunikasi yang melibatkan rakan sebaya dan berlaku dalam situasi tidak formal, penggunaan kata ganti nama diri dipengaruhi oleh faktor kemesraan dan kesesuaian.

Penulis telah membincangkan kajian-kajian berkaitan kata ganti nama dengan data dan metod yang pelbagai serta mensasarkan matlamat kajian yang juga berbeza-beza. Namun begitu, tiada kajian yang cuba mengaitkan atau mentafsirkan kata ganti nama dengan persoalan identiti. Sedangkan menurut perspektif wacana, unit-unit bahasa perlu dikaitkan dengan persoalan sosial dalam masyarakat seperti identiti, kuasa, ideologi, dan sebagainya. Kajian berkenaan pertalian antara bahasa dengan identiti dibincangkan secara umum di bawah disiplin budaya, namun amat kurang kajian yang membicarakan hubungan bahasa dengan identiti secara khusus. Namun begitu, pada tahun 2016, kajian Rohaidah yang bertajuk *Bahasa dan Identiti Mohd Najib Razak* telah secara langsung merungkai pertalian antara bahasa dengan identiti. Kajian yang memanfaatkan ucapan Najib Razak dalam perhimpunan Agung UMNO sebagai data kajian telah menjelaskan hubungan bahasa dengan identiti berpandukan pendekatan analisis wacana kritis. Hasil penelitian menunjukkan bahawa identiti UMNO yang ditafsirkan dalam ucapan Najib Razak terbahagi kepada dua, iaitu identiti sedia ada dan identiti yang dihayatkan oleh pewacana.

Kajian bahasa yang memfokuskan ucapan para pemimpin masih belum banyak diusahakan, lebih-lebih lagi di bawah disiplin analisis wacana. Namun begitu, telah terdapat beberapa kajian bahasa tempatan yang memanfaatkan ucapan para pemimpin sebagai data kajian, contohnya Kamila (2004), Idris (2006, 2008, & 2009), dan Rohaidah (2006). Kamila (2004) menerusi kajian bertajuk *The Rhetoric of Dr. Mahathir Mohamad A Critical Discourse Perspective* telah memanfaatkan ucapan Mahathir Mohamad bertujuan menjelaskan hubungan kait bahasa dengan ideologi. Kajian Idris (2006) yang bertajuk *Bahasa dan Kepimpinan Analisis Wacana Mahathir Mohamad* merungkai hubungan kait ucapan Mahathir Mohamad dengan persoalan kepimpinan. Kajian Idris selanjutnya ialah pada tahun 2008 yang bertajuk *Bahasa dan kuasa: Analisis wacana Barisan Nasional dalam pilihan raya umum Malaysia ke-11*. Pada tahun 2009, beliau menghasilkan kajian yang bertajuk *Discourse and striving for power: An analysis of Barisan Nasional's 2004 Malaysian General Election Manifesto*. Beliau mengaplikasikan pendekatan kritis dalam mengupas persoalan berkenaan pemanfaatan bahasa oleh pemimpin dan kerajaan Barisan Nasional demi mendapatkan dan mengekalkan kuasa pemerintahan. Beliau berpandangan bahawa pengurusan permerolehan kuasa sebahagiannya adalah berkaitan pengurusan wacana.

Kajian bahasa yang memanfaatkan ucapan pemimpin turut dilakukan oleh pengkaji luar negara. Contohnya, kajian Cheng (2006) yang bertajuk *Constructing a New Political Spectacle: Tactics of Chen Shui-bian's 2000 and 2004 Inaugural Speeches* membincangkan cara-cara Presiden Taiwan memanfaatkan bahasa sebagai alat yang berkuasa untuk meredakan ketegangan hubungan dengan China, membaiki hubungan dengan kerajaan Amerika Syarikat dan mendapat sokongan rakyat. Di samping itu, Lu Lun dan Ahrens (2008) pula meneliti cara-cara Presiden-presiden Taiwan memahatkan ideologi mereka dalam aspek metafora. Di samping itu, Chang dan Mehan (2008) menerangkan amalan pemikiran dan sistem penghujahan yang digunakan oleh Presiden Bush dalam ucapannya mengenai keganasan dalam kajian mereka yang bertajuk *Why We Must Attack Iraq: Bush's Reasoning Practices and Argumentation System*. Jiayu Wang (2017) menganalisis cara-cara presiden Xi Jinping berwacana dan melihat aspek ideologi dalam ucapan pemimpin Parti Komunis China (PKC) sebagai parti pemerintah China menerusi representasi ideologi politik. Kajian yang bertajuk *Representations of the Chinese Communist Party's political ideologies in President Xi Jinping's discourse* ini memfokuskan ciri linguistik dalam wacana, tafsiran dan penerangan mengenai aspek sosial, khususnya politik dan kebudayaan China.

#### KERANGKA TEORI

Kajian ini bertujuan meneliti perkaitan antara bahasa, iaitu (dengan tumpuan kata ganti nama) dengan proses pengidentitian seseorang pemimpin yang dipilih dan dilantik dalam sebuah parti politik. Untuk memadukan kajian bahasa dengan proses sosial, iaitu identiti, satu pendekatan yang bersesuaian harus dimanfaatkan bagi melihat hubungan kait kedua-dua perkara tersebut. Sehubungan itu, kajian ini memanfaatkan pendekatan analisis wacana kritis atau *critical discourse analysis* (CDA) yang dimajukan oleh Fairclough (1992 & 1995). Pendekatan CDA dijadikan panduan dalam kajian ini kerana dalam kajian bahasa, pendekatan CDA mengambil kira proses sosial yang berlaku dalam masyarakat. Pendekatan analisis wacana kritis tiga dimensi yang dimajukan oleh Fairclough (1992 & 1995) bukan sekadar meneliti analisis aspek-aspek linguistik semata-mata, namun menjadikan proses sosial dan sosiobudaya sebagai satu

daripada matlamat penting sesuatu kajian bahasa. Justeru, aspek tekstual perlu dianalisis dan digembleng untuk menemui jawapan tentang perkaitan praktis sosial yang berlaku dalam masyarakat. Bahasa dan amalan sosial tidak wajar dipisahkan kerana menurut Benwell dan Stokoe (2006), bahasa terikat dengan konteks dan fenomena sosial serta dapat difahami dengan memberi perhatian kepada konteks budaya dan sosial ia berlaku. Menurut Idris (2010), contoh proses sosial ialah kepimpinan, sosialisasi, pendidikan, transformasi sosial, ideologi, solidariti, kerjasama, identiti dan kuasa. Menurut beliau, proses sosial berkaitan boleh dijelaskan melalui pendekatan analisis wacana yang sistematis, berpada, dan kritis. Sehubungan itu, proses sosial yang ditafsir dalam kajian ini ialah identiti, khususnya pembinaan identiti pemimpin utama sebuah parti politik Melayu, iaitu UMNO.

Wacana akan dianalisis dari sudut cara pembentukannya berdasarkan faktor-faktor sosial dan dari sudut bahawa wacana mempunyai unsur-unsur sosial, dan bukannya dari satu sudut sahaja sebagaimana lazim dalam kajian struktur atau lakuan bahasa dalam tradisi pragmatik. Menurut Fairclough, wacana selalunya membina secara serentak:

1. identiti sosial subjek atau pemeran, kedudukan sosialnya, dan jenis diri,
2. hubungan sosial antara manusia, dan
3. Sistem pengetahuan dan kepercayaan, walaupun dengan darjah kepentingan yang berbeza dalam kes-kes yang berbeza.

(Idris, 2006, hlm.72)

#### METODOLOGI KAJIAN

Selain kajian kepustakaan, kajian ini mengaplikasikan analisis secara tekstual, iaitu pencerakinan data berdasarkan tahun, perenggan, dan ayat. Selanjutnya, barulah penjelasan dan pentafsiran hubungan antara unit linguistik (kata ganti nama diri) dengan pembinaan identiti (proses sosial) dilakukan oleh penulis. Memandangkan kajian ini berhasrat meneliti kekerapan penggunaan sesuatu item bahasa, ia turut menggunakan pendekatan kuantitatif. Menurut Asmah (2008), dalam pendekatan kuantitatif, penghitungan dibuat untuk menunjukkan gejala atau ciri mana yang lebih banyak atau lebih kerap berlaku berbanding dengan ciri atau gejala lain. Perbincangan ini akan merujuk pewacana sebagai Presiden UMNO yang pertama (Onn Jaafar) sebagai P1 OJ, Presiden UMNO yang kedua (Tunku Abdul Rahman) sebagai P2 TAR, Presiden UMNO yang ketiga (Abdul Razak Hussein) sebagai P3 ARH, Presiden UMNO yang keempat (Hussein Onn) sebagai P4 HO, Presiden UMNO yang kelima (Mahathir Mohamad) sebagai P5 MM, Presiden UMNO yang keenam (Abdullah Ahmad Badawi) sebagai P6 AAB, dan Presiden UMNO yang ketujuh (Najib Razak) sebagai P7 NR.

#### DATA DAN KONTEKS KAJIAN

Bagi keperluan naskhah ini, data wacana yang diteliti merupakan ucapan bekas Presiden-presiden UMNO bermula zaman Onn Jaafar (ucapan tahun 1946), Tunku Abdul Rahman (ucapan tahun 1960), Abdul Razak Hussien (ucapan tahun 1971), Hussien Onn (ucapan tahun 1977), Mahathir Mohamad (ucapan tahun 1983), Abdullah Ahmad Badawi (ucapan tahun 2004), dan Presiden UMNO, Najib Razak (ucapan tahun 2009). Ucapan para Presiden UMNO diperoleh daripada beberapa sumber secara dalam talian, iaitu laman sesawang, akhbar Berita Harian, dan juga blog. Ucapan Onn Jaafar dan Hussien Onn diperoleh daripada sumber blog, manakala

ucapan Tunku Abdul Rahman dan Abdul Razak Hussien diperoleh daripada laman web Arkib Negara Malaysia, kedua-duanya merupakan ucapan di Perhimpunan Agung UMNO. Di samping itu, ucapan Abdullah Ahmad Badawi, Mahathir Mohamad, dan Najib Razak diakses daripada akhbar *Berita Harian Online*, juga merupakan ucapan di Perhimpunan Agung UMNO. Kebanyakan ucapan tersebut merupakan ucapan tahun-tahun awal mereka menerajui parti UMNO dan dipilih sebagai Presiden UMNO. Menurut Chamil (2015), ucapan di Perhimpunan Agung UMNO merupakan ucapan yang memberi peluang kepada pemimpin berkenaan untuk menzahirkan pemikiran dan wawasan perjuangannya untuk bangsa dan negara. Di sinilah ketangkasan kuasa dan pengaruh pembujukan Presiden UMNO perlu diserlahkan. Fasal 8 Perlembagaan UMNO menetapkan “Perhimpunan Agung adalah kuasa tertinggi parti dan perjalanan parti adalah berasaskan kepada kuasa dan perintahnya tertakluk kepada Perlembagaan dan juga Peraturan UMNO”.

Konteks kajian ini ialah sebuah parti politik terbesar orang Melayu, iaitu *United Malays National Organisation* atau UMNO. UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946 merupakan parti politik yang telah mencipta sejarah sebagai salah sebuah pertubuhan politik tertua di dunia dan paling lama memegang tampuk kuasa pemerintahan negara (Zahalan, 2003). Namun, dalam Pilihan Raya Umum ke-14 lalu, UMNO yang merupakan parti dominan dalam kerajaan Barisan Nasional (BN) pada waktu itu telah kecundang di tangan Pakatan Harapan (PH), lalu berjaya membentuk kerajaan yang baharu di bawah pimpinan Tun Mahathir Mohamad. Matlamat utama penubuhan UMNO ialah memerdekakan negara, meninggikan syiar Islam, memartabatkan bangsa dan mendaulatkan negara (Zahalan, 2003).

Naskah ini memberi tumpuan terhadap ucapan-ucapan Presiden (bekas) UMNO kerana jawatan Presiden UMNO merupakan jawatan tertinggi dalam parti tersebut, tambahan pula belum ada lagi kajian bahasa yang khusus membincangkan aspek kata ganti nama sebagai pembinaan identiti seseorang pemimpin tertinggi. Pengasas dan presiden pertama UMNO ialah Onn Jaafar (11 Mei 1946 – 26 Ogos 1951), presiden kedua ialah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Al-Marhum Sultan Abdul Hamid Shah (26 Ogos 1951 – 24 Januari 1971), presiden ketiga ialah Tun Abdul Razak Hussein (24 Januari 1971 – 14 Januari 1976), presiden keempat ialah Hussein Onn (14. Jan. 1976 – 28 Jun 1981), presiden kelima ialah Mahathir Mohamad (28 Jun 1981 – 30 Okt. 2003), presiden keenam ialah Abdullah Ahmad Badawi (30 Okt. 2003 – 28 Mac 2009) dan presiden ketujuh parti UMNO ialah Najib Razak (28 Mac 2009 – 12 Mei 2018) ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Presiden\\_UMNO](https://ms.wikipedia.org/wiki/Presiden_UMNO)).

#### HUBUNGAN BAHASA DAN IDENTITI

Bahasa tidak terbatas kepada alat komunikasi dan penyampai proposisi, tetapi adalah juga cermin bagi persepsi kita, yakni cara kita memahami dan bertindak balas kepada keadaan di sekeliling kita. Dalam perkataan lain, bahasa menentukan penglihatan dunia (*worldview* atau *weltanschauung*) kita (Asmah, 1993, hlm. 37). Sesungguhnya, melalui bahasa, pelbagai perkara dapat ditafsirkan dan satu daripadanya ialah identiti. Bahasa dan identiti saling berkaitan antara satu sama lain, malah bahasa merupakan satu daripada mekanisme terbaik mengenal pasti identiti individu dan juga kumpulan sosial. Sehubungan itu, pemilihan bahasa penting dalam wacana seseorang, sama ada wacana lisan ataupun tulisan. Antara pengkaji yang menemukan perkaitan antara bahasa dengan identiti ialah Hecht (1993), Keller (1997), Swanson (2000), Joseph (2004), Thomas et al. (2004), Benwell dan Stokoe (2006), Roberts (2007) serta lain-lain.



Keller (1997) berpendapat, sesuatu bahasa yang dituturkan oleh seseorang tidak dapat dipisahkan dengan identiti, tambahan pula tindakan berbahasa juga disamakan dengan tindakan identiti seseorang. Bahasa merupakan tingkah laku luaran (sikap / perangai) yang membolehkan pengenalanpastian (identifikasi) seseorang penutur sebagai ahli bagi sesetengah kumpulan tertentu. Selain itu, bahasa dianggap sebagai satu sumber untuk mengenal pasti diri sendiri (*identifying oneself*) (Keller, 1997, hlm. 315). Roberts (2007) mempunyai pandangan yang hampir serupa, iaitu selain untuk mengidentifikasikan diri, bahasa juga digunakan untuk membezakan satu kumpulan sosial dengan kumpulan yang lain. Hal ini bermakna, menerusi penggunaan bahasa (wacana), identiti seseorang dapat dikenal pasti seterusnya dikaitkan pula dengan kumpulan sosial tertentu.

Dalam soal pembinaan identiti, Thomas et al. (2004) berpandangan, kita tidak boleh menentukan identiti sosial kita sendiri kerana ia terikat dengan cara-cara orang lain melihat kita. Oleh itu, orang lain yang akan menentukan identiti seseorang itu menerusi bahasa yang digunakan semasa berkomunikasi. Ternyata, bahasa satu daripada mekanisme penting pembinaan identiti seseorang. Berikut dipetik pandangan Thomas et al. (2004) berkenaan identiti.

*Your social identity is not something you can always determine on your own; it is also bound up with how others perceive you. In fact, it would be difficult to conceive of identity as a purely individual matter. Your perception of yourself as an individual can only be in relation to others, and your status within a social group. This status can be constructed through language use in various ways* (Thomas et al., 2004, hlm.165).

Selain itu, dalam memperkatakan identiti kelompok sosial, Kramsch (1998) menjelaskan ahli sesuatu kelompok boleh dikenal pasti melalui sebutan (aksen), perbendaharaan kata, corak wacana, dan identiti pewacana itu sendiri. Berdasarkan beberapa pandangan, jelaslah bahasa sememangnya satu daripada instrumen penting dalam mengenal pasti bukan saja identiti individu tetapi juga untuk membezakan kumpulan-kumpulan sosial yang lain.

#### KATA GANTI NAMA DIRI (KGND)

Kata Ganti Nama (KGND) adalah kata yang berdiri di tempat kata nama. Dengan demikian kata ganti nama boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat. Kata ganti nama pada amnya memasuki sistem tertutup. Melihat ciri-cirinya, kata ganti nama boleh dibahagikan kepada tiga subgolongan: ganti nama diri, ganti nama penunjuk dan ganti nama tanya. Ganti nama diri adalah kata yang dapat menggantikan kata nama manusia, dan secara terbatas kata nama yang lain. Ganti nama diri manusia boleh dilihat dari segi penggunaannya dalam konteks sosiolinguistik dan konteks nahu. Dalam kedua-dua konteks ini ganti nama diri dibahagi kepada tiga sistem diri: diri pertama, diri kedua dan diri ketiga. Konteks sosiolinguistik bermaksud konteks yang meliputi taraf sosial para pengguna bahasa yang terlibat dalam peristiwa bahasa, darjah rapat tidaknya hubungan antara pihak-pihak yang berkenaan, suasana persekitaran peristiwa bahasa yang berkenaan, dan judul yang dipercakapkan (Asmah, 2009). Selain itu, Nik

Safiah et al. (1996) turut mengkategorikan kata ganti nama diri orang kepada tiga, iaitu kata ganti nama diri orang pertama (*saya, aku, beta, patik, kami, dan kita*), kata ganti nama diri orang kedua (*anda, engkau, awak, dan kamu*), dan kata ganti nama diri orang ketiga (*ia, dia, mereka, dan –nya*).

Memandangkan kajian ini menerapkan pendekatan CDA seperti yang telah dikemukakan pada awalnya tadi, perbincangan berkenaan KGND dalam naskhah ini tidak terbatas meneliti penggunaan KGND sebagai satu daripada sistem dalam tatabahasa semata-mata, namun meneliti sejauh mana KGND berperanan dalam pembinaan identiti pemimpin yang baru dipilih dan dilantik sebagai Presiden UMNO. Pentafsiran KGND dikenal pasti sebagai satu daripada mekanisme pembinaan identiti individu mahupun identiti kelompok sosial. Menurut Idris (2016), penggunaan kata ganti nama diri (*pronoun*) tertentu misalnya, turut mempunyai hubungan dengan proses / praktis sosial tertentu. Penggunaan *saya* contohnya membayangkan 'impersonal', manakala *kita* mempunyai hubungan dengan pemikiran inklusif (lihat Idris, 2011). Oleh itu, dalam naskhah ini, perbincangan berkaitan KGND dikaitkan dengan proses identiti yang berlaku dalam wacana Presiden-presiden UMNO.

#### PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengemblengan kata ganti nama diri (KGND) yang dimanfaatkan oleh tujuh orang bekas presiden parti UMNO, yang juga pernah memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia (kecuali Onn Jaafar). Kajian ini turut menjelaskan dan mentafsir aspek KGND dan hubungannya dengan soal pembinaan identiti seseorang pemimpin utama parti politik, khususnya pada tahun-tahun awal mereka dipilih dan dilantik menerajui parti UMNO. Sehubungan itu, perbincangan merangkumi dua dimensi, iaitu aspek bahasa dengan tumpuan terhadap KGND dan perkaitannya dengan proses sosial, iaitu identiti.

Hasil penelitian, hubungan KGND dengan identiti ditafsir menerusi KGND pertama, iaitu bentuk tunggal (*saya*) dan jamak (*kita* dan *kami*). KGND *saya* dan *kita* digunakan oleh semua pewacana, namun begitu KGND *kami* hanya dimanfaatkan oleh dua orang pewacana sahaja, iaitu P4 (HO) dan P6 (AAB) itupun dengan kadar kekerapan yang sangat rendah, iaitu sebanyak tiga kali kekerapan (0.27%). Keseluruhannya, KGND yang paling banyak dimanfaatkan oleh para pewacana ialah *kita*, iaitu sebanyak 821 kali penggunaan atau 75.8%, diikuti KGND *saya* sebanyak 258 kali penggunaan atau 23.8%. KGND yang paling sedikit dimanfaatkan ialah KGND *kami*, iaitu sebanyak tiga kali penggunaan sahaja atau 0.27%.

Jadual 1 memaparkan bilangan dan peratusan KGND dalam ucapan tujuh orang Presiden UMNO. Berdasarkan jumlah keseluruhan, P3 (ARH) paling banyak mengembleng KGND dalam ucapan beliau, iaitu sebanyak 248 kali penggunaan, diikuti P5 (MM) sebanyak 242 kali penggunaan, dan P2 (TAR) sebanyak 177 kali penggunaan. Berikut diperincikan penggunaan KGND yang terdapat dalam ucapan para pewacana, bermula dengan KGND *kita*.

Jadual 1: Bilangan dan peratusan penggunaan KGND pertama dalam ucapan Presiden UMNO

Pewacana / Tahun Wacana	singkatan	KGND			Jumlah
	P = Presiden	Saya	kita	kami	
Onn Jaafar (1946)	P1 (OJ)	15 (5.8%)	71 (8.6%)	-	86
Tunku Abdul Rahman (1960)	P2 (TAR)	57 (22%)	120 (14.6%)	-	177
Abdul Razak Hussein (1971)	P3 (ARH)	78 (30.2%)	170 (20.7%)	-	248
Hussein Onn (1977)	P4 (HO)	33 (12.7%)	32 (3.9%)	2 (67%)	67
Mahathir Mohamad (1983)	P5 (MM)	39 (15.1%)	203 (24.7%)	-	242
Abdullah Ahmad Badawi (2004)	P6 (AAB)	17 (6.6%)	140 (17%)	1 (33%)	158
Najib Razak (2009)	P7 (NR)	19 (7.3%)	85 (10.3%)	-	104
<b>Jumlah</b>		<b>258 (23.8%)</b>	<b>821 (75.8%)</b>	<b>3 (0.27%)</b>	<b>1082</b>

#### *KGND Kita*

Seperti yang telah dimaklumkan pada bahagian awal, KGND *kita* dimanfaatkan oleh semua pewacana dan merupakan KGND yang paling banyak dimanfaatkan, iaitu sebanyak 821 kali penggunaan atau 75.8%. KGND *kita* paling banyak digunakan oleh Presiden UMNO kelima, iaitu Mahathir Mohamad, iaitu sebanyak 203 kali penggunaan atau 24.7%, diikuti oleh P3 ARH, iaitu sebanyak 170 kali penggunaan atau 20.7%, P6 AAB sebanyak 140 kali (17%), dan P2 TAR sebanyak 120 kali penggunaan atau 14.6%. Seterusnya, P7 (NR) memanfaatkan KGND *kita* sebanyak 85 kali penggunaan (10.3%), P1 (OJ) menggunakan KGND *kita* sebanyak 71 kali penggunaan ataupun 8.6%, manakala P4 HO hanya memanfaatkan KGND *kita* sebanyak 32 kali penggunaan atau 3.9% dalam wacana beliau berbanding pewacana-pewacana lain. Hasil penelitian, ternyata para pewacana mempunyai kecenderungan yang amat tinggi menggembleng KGND *kita* berbanding KGND *saya* dan *kami* dalam ucapan masing-masing (rujuk Jadual 1).

Berdasarkan penggunaan KGND *kita* dalam wacana ucapan para Presiden UMNO tersebut, dapatlah ditafsirkan bahawa selain merujuk diri pewacana sendiri, KGND *kita* juga digunakan untuk merujuk pemimpin tertinggi UMNO (spt. Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden, Bendahari dan Setiausaha Agung), pemimpin peringkat Bahagian dan Cawangan UMNO, dan ahli-ahli UMNO. Di samping itu, terdapat KGND *kita* yang digunakan oleh pewacana merujuk rakyat Malaysia, dan pihak kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional. Melihat rujukan yang pelbagai tersebut, maka tidak hairanlah KGND *kita* mendominasi penggunaan

KGND dalam semua ucapan Presiden UMNO. Dalam konteks ucapan politik, KGND *kita* yang merujuk organisasi ataupun pertubuhan yang diwakili oleh pewacana menjelaskan rasa kesatuan, milik bersama, dan kebersamaan. Berdasarkan contoh 1 hingga contoh 4, penggunaan KGND *kita* oleh P2 TAR dan P5 MM secara jelas merujuk kepada pemimpin dan kepimpinan serta ahli-ahli UMNO.

#### P2 TAR

1. Maka kekalahan *kita* di Kelantan dan Terengganu itu patutlah menjadi satu pengajaran, bukan sahaja kepada pemimpin-pemimpin UMNO di negeri-negeri itu, tetapi di negeri-negeri lain juga.
2. *Kita* berkehendakkan kemenangan itu bukan kerana *kita* hendak bermegah-megah atau menyombong dengannya, tetapi kerana *kita* percaya bahawa parti *kita* sahajalah yang dapat memelihara negeri ini dan rakyatnya dengan baik, aman, makmur dan bahagia.

#### P5 MM

3. Perhimpunan *kita* ini juga penting kerana *kita*—UMNO dan Barisan Nasional—baharu sahaja menang Pilihan Raya Umum 1982.
4. Ia adalah peluang yang istimewa bagi *kita* untuk bersama-sama mengucap kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. di atas rahmat dan penentuan-Nya mengurniakan kemenangan kepada *kita*.

Dalam komunikasi interpersonal antara pemimpin dengan pengikut, penggunaan KGND *kita* ditafsir mempunyai nilai kekitaan, kebersamaan, kesetaraan, dan juga merapatkan jurang antara pemimpin UMNO dengan ahli-ahli UMNO sama ada yang datang secara langsung menyaksikan ucapan tersebut, menonton melalui televisyen, ataupun yang membaca ucapan tersebut dalam akhbar-akhbar tertentu. Presiden UMNO yang baru dipilih dan dilantik cuba mewujudkan unsur kebersamaan, dan satu daripadanya ialah melalui penggunaan KGND *kita*. Dalam hal kebersamaan ini, Syofia Ulfah et al. (2015) menyatakan bahawa kebersamaan bermakna hubungan antara penutur dengan pendengar adalah rapat. Tambahan pula, bahasa yang mengandungi unsur kebersamaan disukai oleh pendengar dan mampu pula mendekatkan lagi psikologi antara kedua-duanya, manakala bahasa yang tidak mempunyai unsur kebersamaan merupakan bahasa yang mengasingkan penutur daripada pendengarnya. Oleh itu, KGND *kita* mampu mewujudkan rasa kesatuan dan kekitaan dan penting disemaikan dalam parti UMNO kerana UMNO merupakan parti kaum Melayu yang utama. Selain itu, dalam sesebuah organisasi seperti pertubuhan politik, pemimpin wajar mendekatkan diri dengan para pengikut yang merupakan golongan majoriti dalam sesuatu pertubuhan. Oleh itu, hubungan dua hala antara pemimpin dengan para pengikut menjadi lebih harmoni dan mesra, malah para pengikut menjadi lebih yakin dengan kepimpinan seseorang pemimpin yang dilantik menerajui sesebuah parti politik.

Sebagai Presiden UMNO, beliau dipertanggungjawabkan menjayakan misi dan matlamat parti serta melaksanakan perancangan parti di bawah pentadbirannya. Oleh itu, apabila wujud lebih banyak penggunaan KGND *kita* dalam ucapannya, ia menjelaskan bahawa sebagai ketua, beliau mahu para pengikut terlibat bersama-sama dalam menjayakan hala tuju parti UMNO,

malah kebersamaan itu dapat membuatkan khalayak, iaitu ahli-ahli UMNO berasa penting dan diperlukan dalam parti.

Sebagai presiden yang baru dipilih dan dilantik menerajui parti UMNO, para pewacana berusaha membina dan mengukuhkan identiti kepimpinan masing-masing dan sentiasa mahu dilihat sebagai pemimpin yang berjiwa rakyat. Seperti yang telah dijelaskan, KGND *kita* paling banyak digunakan oleh P5 MM dan ia ditafsir mempunyai nilai kekitaan yang paling tinggi berbanding Presiden-presiden UMNO yang lain. Menurut Asmah (2009, hlm. 89), *kita* merupakan bentuk inklusif (memasukkan orang kedua), justeru, penggunaan KGND *kita* dapat dianggap sebagai usaha seseorang pemimpin yang baru dilantik mendekati diri dengan pengikut dan mempamerkan nilai kebersamaan pemimpin – pengikut, lebih-lebih lagi bagi ketua yang baru.

Di samping itu, KGND *kita* yang merujuk rakyat dan situasi di Malaysia secara umum dapat dilihat dalam ucapan P5 MM, iaitu menerusi contoh 5 (soal keselamatan) dan contoh 6 (soal kemelesetan ekonomi). Selain itu, KGND *kita* yang diujarkan oleh P6 AAB (rujuk contoh 7 dan contoh 8) turut merujuk kepada rakyat dan negara Malaysia secara umum. Hal ini kerana Presiden UMNO lazimnya juga merupakan Perdana Menteri Malaysia, oleh itu hal berkaitan negara dan rakyat Malaysia turut tercakup dalam kandungan wacana Presiden UMNO. Agak sukar membezakan tugas sebagai Presiden UMNO dan juga sebagai Perdana Menteri Malaysia. Dalam hal ini, Chamil (2015) menyatakan ucapan Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO turut dipengaruhi oleh kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional. Berikut dipetik kata-kata Presiden UMNO ketujuh, iaitu Najib Razak berkenaan perkara ini;

Jadi penting untuk kita melihat dari tiga sudut tetapi *flavournya* (atau perasanya) mestilah Presiden UMNO. Asasnya, Presiden UMNO tetapi jangan bercanggah dengan kedudukan sebagai Perdana Menteri dan juga Pengerusi Barisan Nasional (Chamil, 2015, hlm. 389).

#### *P5 MM*

5. Suasana keselamatan, khususnya bagi negara-negara kecil, masih terancam. Bagi *kita* di Malaysia, keadaan keselamatan serantau dan pergolakan di peringkat antarabangsa membawa kebimbangan kepada *kita*.
6. *Kita* bernasib baik kerana kita tidak boros berbelanja. Sebaliknya, pada waktu *kita* mendapat hasil yang lumayan daripada dagangan *kita*, *kita* cuma berhutang untuk membekalkan infrastruktur penting sahaja. Oleh itu, kita bukan sahaja terselamat daripada menjadi bankrap, tetapi kita masih dapat berhutang untuk membiayai projek-projek negara yang penting dan perlu dimulakan atau diteruskan. Namun demikian, tentulah banyak juga projek yang dirancang pada waktu *kita* berpendapatan tinggi dahulu yang terpaksa kita tangguhkan.

#### P6 AAB

7. *Kita* menjadi negara Islam contoh, yang berjaya mengimbangkan pembangunan fizikal dengan pembangunan rohani.

*Kita* merupakan negara pelbagai agama – pelbagai kaum yang menjadi contoh dari segi kejayaan memupuk perpaduan dan berkongsi kuasa politik.

#### KGND Saya

Berdasarkan tujuh ucapan Presiden-presiden UMNO yang diteliti, secara keseluruhannya, KGND *saya* digunakan sebanyak 258 kali penggunaan atau 23.8%. Seperti KGND *kita*, KGND *saya* turut digunakan oleh semua Presiden UMNO. P3 ARH didapati paling banyak menggunakan KGND *saya* berbanding pewacana lain, iaitu 78 kali penggunaan atau 30.2%. Pewacana P2 TAR pula menggunakan KGND *saya* sebanyak 57 kali penggunaan atau 22%, manakala pewacana P5 MM pula sebanyak 39 kali penggunaan (15.1%).

Umumnya, KGND pertama *saya* bersifat lebih neutral, fleksibel, dan kata ganti nama yang sopan digunakan dalam apa-apa sahaja situasi. KGND *saya* hanya merujuk diri penutur secara tunggal, oleh itu, KGND *saya* ditafsir menggambarkan keinginan peribadi pewacana, dan memiliki nilai keindividuan berbanding KGND *kita*. Walaupun diterima sebagai KGND yang neutral, namun dari sudut pembinaan identiti, KGND *saya* lebih merujuk diri pewacana secara individu.

Walaupun penggunaan KGND *saya* ditafsir bersifat peribadi dan keindividuan, namun penggunaannya adalah wajar dan bersesuaian dengan konteks sosiolinguistik seperti yang dinyatakan oleh Asmah (2009), iaitu yang meliputi taraf sosial para pengguna bahasa yang terlibat dalam peristiwa bahasa, darjah rapat tidaknya hubungan antara pihak-pihak yang berkenaan, suasana persekitaran peristiwa bahasa yang berkenaan, dan judul yang diperkatakan. Sebagai presiden, ruang atau jarak antara pemimpin dengan pengikut atau penyokong perlu ada khususnya dalam peristiwa bahasa seperti perhimpunan tahunan parti.

Pewacana P4 AAB contohnya, dengan jelas membina slogan kerjanya menggunakan kata ganti nama *saya*, iaitu ‘Marilah Bekerja Bersama Saya, bukan bekerja untuk saya’ dalam pentadbirannya sebaik sahaja beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia. Sehubungan itu, penggunaan KGND *saya* dalam konteks kepimpinan merupakan cara yang dapat membezakan seorang pemimpin dengan pemimpin lain. Dari sudut pengidentitian pula, KGND *saya* berupaya membina identiti seseorang pemimpin secara individu serta mempamerkan keinginannya secara peribadi sebaik sahaja dipilih dan dilantik menerajui sesebuah pertubuhan.

Dalam huraian berkenaan gaya bahasa pengaruh, Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2003, hlm. 109) ada menyatakan bahawa hadirin Melayu tidak berapa suka apabila mendengar seseorang itu terlalu kerap menggunakan perkataan “saya” dalam kata-katanya disebabkan perkataan “saya” mencerminkan sikap individualistik. Bercakap atau menulis banyak menggunakan “saya” dianggap egoistik, sombong, berlagak, perasan, meninggi diri dan lain-lain seperti itu. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2003, hlm. 109) mencadangkan supaya menggunakan “kita” untuk maksud “saya”.

Contoh 8 hingga contoh 15, merupakan beberapa contoh penggunaan KGND *saya* yang dimanfaatkan dalam komunikasi oleh para pewacana selaku Presiden UMNO. Berdasarkan data, penggunaan KGND *saya* oleh P4 MM (rujuk data 8 dan data 9) dan P6 NR (rujuk data 11 dan data 12) secara jelas merujuk diri mereka sebagai Presiden UMNO dan secara langsung

telah mula membina identiti kepimpinan sebagai ketua dalam sebuah parti politik. Dalam data 8, frasa '*saya* menunaikan kewajipan ini sebagai Presiden UMNO' dan '*saya* diberi kepercayaan untuk memimpin parti' telah mengakui kedudukan beliau selaku Presiden UMNO. Begitu juga dalam data 9, pewacana menyatakan kedudukan beliau selaku presiden parti dan Perdana Menteri melalui frasa, '*saya* sebagai Presiden Parti dan Perdana Menteri'. Sebagai Presiden UMNO, P4 MM telah memberi amaran kepada pemimpin parti PAS yang disifatkan suka mencemar agama Islam, mengelirukan serta memesongkan kepercayaan orang Islam menerusi frasa, '*Saya* ingin memberi amaran ...' (rujuk data 10). Menerusi contoh 11 dan 12 pula, P6 NR secara jelas memaklumkan bahawa ucapan dasar sulungnya selaku Presiden UMNO merupakan sejarah secara peribadi, manakala dalam data 12, beliau menggunakan KGND *saya* dalam frasa, '*Selaku* Presiden UMNO, *saya* dengan ikhlas menyeru kepada semua orang Melayu,...'. Ternyata, penggunaan KGND *saya* bukan sahaja menggambarkan kedudukan pewacana sebagai Presiden UMNO, malah berkeupayaan membentuk identiti beliau secara peribadi.

#### *P4 MM*

8. Inilah kali pertama *saya* menunaikan kewajipan ini sebagai Presiden UMNO, setelah *saya* diberi kepercayaan untuk memimpin parti oleh Perhimpunan Agung tahun lalu, apabila Presiden yang kita sayangi, Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, atas sebab-sebab kesihatan, terpaksa mengundurkan diri daripada memimpin parti.
9. *Saya* bersyukur ke hadrat Allah Subhananu Wataala kerana dalam menjalankan tugas *saya* sebagai Presiden Parti dan Perdana Menteri, *saya* dibantu oleh rakan-rakan yang cekap dalam menjalankan tugas yang diserahkan kepada mereka.
10. *Saya* ingin memberi amaran kepada pemimpin-pemimpin PAS yang suka mencemar agama Islam dan mengeliru serta memesongkan kepercayaan orang Islam bahawa kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang bagi menghentikan kegiatan mereka.

#### *P6 NR*

11. Pertamanya, satu sejarah secara peribadi kerana inilah ucapan dasar sulung *saya*, selaku Presiden UMNO sejak mengambil alih pucuk pimpinan, secara rasmi pada bulan Mac yang lalu.
12. Selaku Presiden UMNO, *saya* dengan ikhlas menyeru kepada semua orang Melayu, demi masalah ummah, marilah bersama-sama membentuk satu saf yang berasaskan pertautan pemikiran dan tindakan untuk merungkai kekusutan, memulihkan silaturrahim serta memacu kepentingan bersama.

KGND *saya* digunakan oleh para Presiden UMNO untuk mengekspresikan perasaan beliau secara peribadi seperti ucapan terima kasih, kesyukuran, dan ucapan penghargaan kepada para pemimpin dan ahli-ahli UMNO. Ucapan terima kasih disampaikan kepada khalayak yang hadir mendengar ucapan beliau dan kepada pimpinan serta penyokong yang telah memastikan kejayaan UMNO dalam pilihan raya. Hal ini dapat diperhatikan dalam data 13 dan data 14 yang disampaikan oleh P1 OJ dan data 16 oleh P3 ARH. Jelasnya, penggunaan KGND

*saya* secara khusus merujuk pewacana selaku Presiden UMNO dan ucapan tersebut mewakili dirinya secara peribadi.

*P1 OJ*

13. Sebelum *saya* berucap atas tujuan berkenaan fasal yang pertama dalam agenda mesyuarat ini, *saya* ucapkan terima kasih dengan setulus-tulus hati kerana kehormatan tinggi yang telah tuan-tuan kurniakan kepada *saya* dengan melantik *saya* sebagai pengerusi persidangan yang sangat besar dan dalam maknanya ini.
14. Demikianlah percakapan *saya* dengan mengulangi sekali lagi sepenuh-penuh terima kasih daripada hati *saya* yang ikhlas, adanya.

*P3 ARH*

15. *Saya* mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara-saudara kerana sungguhpun keadaan negara masih belum pulih daripada bencana banjir, saudara-saudara semua dapat hadir dalam Perhimpunan Agung yang penting ini.

Selain itu, KGND *saya* juga digunakan untuk membuat ucapan penghargaan dan tahniah kepada para pemimpin yang telah berjaya dalam kepimpinan masing-masing (rujuk data 16 dan data 17), manakala data 18, P2 TAR meluahkan rasa kecewa dengan sikap segelintir pemimpin UMNO yang telah dilantik tetapi gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan baik. Sebagai Presiden UMNO yang ketiga, secara peribadinya beliau turut menzahirkan harapan kepada ahli-ahli UMNO untuk memperbaharui azam masing-masing (rujuk data 19). Di samping itu, pesanan dan ingatan turut dizahirkan kepada para pemimpin dan para penyokong UMNO oleh bekas Presiden UMNO yang ketujuh (rujuk data 20 dan 21).

*P6 AAB*

16. *Saya* mengucapkan tahniah kepada saudara-saudari yang mendapat sokongan dan telah diberi kepercayaan memimpin parti di peringkat cawangan dan bahagian. *Saya* juga mengucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan baru Pergerakan-pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri yang telah dipilih dalam perhimpunan Pergerakan masing-masing yang telah berlansung hari semalam.

*P2 TAR*

17. *Saya* mengambil peluang pada hari ini mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli kita yang mendapat kemenangan dalam pilihan raya yang telah dijalankan dengan selamat sepenuhnya pada tahun lepas.
18. *Saya* sangat duka cita di atas sikap ahli-ahli ini dan tunaikan segala janji-janji mereka itu.

*P3 ARH*

19. *Saya* harap kita semua akan membaharui azam untuk memperkuatkan parti, menyesuaikan kedudukan dan perjalanan parti dengan masa dan kehendak zaman dan menumpukan semua tenaga, tua dan muda, untuk kepentingan masa depan negara kita.



*P7 NR*

20. *Saya* ingin berpesan, janganlah segan untuk turun ke bawah dan merapatkan diri dengan akar umbi sekali pun kita menyandang jawatan tinggi.
21. *Saya* ingin mengingatkan kepada semua pihak, setelah pindaan kita lakukan, berhijrahlah meninggalkan gejala negatif seperti politik wang, supaya kita menjadi parti yang bersih dan dihormati.

*KGND Kami*

KGND *kami* tidak banyak digembleng oleh para pewacana dalam ucapan masing-masing, iaitu tiga kali (0.27%) penggunaan sahaja. KGND *kami* digunakan oleh P3 HO sebanyak dua kali penggunaan, manakala P6 AAB menggunakan sekali KGND *kami* dalam ucapannya. Pewacana-pewacana lain tidak menggunakan KGND *kami* dalam data ucapan yang dipilih. Menurut Asmah (2009) diri pertama jamak *kami*, mempunyai bentuk eksklusif (menyisihkan orang kedua), oleh itu dalam data yang diteliti, KGND *kami* tidak merujuk diri pewacana secara individu, tetapi merujuk pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO, khususnya dalam Majlis Tertinggi UMNO. Berbanding KGND *saya* yang lebih menjurus identiti individu dan KGND *kita* yang menjurus identiti kelompok sosial, KGND *kami* kurang dimanfaatkan oleh para pewacana dalam ucapan masing-masing.

Menerusi data 23 dan data 24, P3 HO menggunakan KGND *kami* bagi merujuk Majlis Tertinggi UMNO. Dalam menghadapi tindakan pihak parti lawan yang disifatkan cuba menggugat perpaduan dalam Barisan Nasional dan orang Melayu, kepimpinan UMNO perlu mewujudkan kesungguhan dan keikhlasan supaya Barisan Nasional menjadi kukuh, manakala dalam data 24, KGND *kami* jelas merujuk Presiden UMNO dan Majlis Tertinggi UMNO. Di samping itu, dalam ucapan di Perhimpunan Agung UMNO ke-55, P6 AAB hanya menggunakan sekali sahaja KGND *kami* dalam ucapannya, iaitu berkenaan langkah yang diambil oleh Majlis Tertinggi dalam menangani masalah politik wang. Jelaslah, selain merujuk Presiden UMNO, KGND *kami* yang digunakan oleh P3 HO dan P6 AAB juga merujuk kepada barisan Majlis Tertinggi UMNO. Majlis Tertinggi dikuasai oleh pegawai-pegawai UMNO yang terdiri daripada: Presiden, Timbalan Presiden, enam Naib Presiden (tiga dipilih oleh Perhimpunan Agung UMNO dan tiga lagi terdiri daripada ketua-ketua tiga sayap parti – Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO), Setiausaha Agung, Bendahari, Ketua Penerangan (Chamil, 2015). Berikut dipaparkan penggunaan KGND *kami* dalam ucapan yang disampaikan oleh P3 HO dan P6 AAB.

*P3 HO*

23. *Kami* berpendapat bahawa haruslah diwujudkan kesungguhan dan keikhlasan bagi memperkukuhkan Barisan Nasional.
24. Inilah tujuan *kami* mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua bahagian UMNO petang ini bagi menjelaskan pendirian yang telah diambil oleh Majlis Tertinggi UMNO itu.

P6 AAB

25. Setiap kali pemilihan diadakan, perwakilan membangkitkan suara menentang politik wang. Majlis Tertinggi diminta mengambil tindakan. Segala langkah yang diambil oleh Majlis Tertinggi adalah pendekatan terbaik yang dapat *kami* fikirkan.

#### KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, ternyata aspek KGND pertama yang digunakan oleh pewacana mampu dikaitkan dengan pembinaan identiti seseorang pemimpin yang baru dipilih dan dilantik sebagai presiden dalam sesebuah organisasi politik Melayu, iaitu UMNO. Selain mahu dikenali sebagai pemimpin berjiwa rakyat, semua Presiden UMNO mahu 'mendekatkan' diri mereka dengan para penyokong dengan harapan dapat merapatkan jurang kuasa dan kedudukan mereka. Hal ini dapat dilihat menerusi KGND *kita* yang wujud sebanyak 821 kali penggunaan (75.8%). Para Presiden UMNO wajar menggunakan KGND *kita* kerana ia lebih mewujudkan perasaan dan suasana kebersamaan antara pemimpin dengan para penyokong, tanpa meminggirkan mana-mana pihak. Penggunaan KGND *kita* yang mendominasi KGND dalam semua ucapan para presiden telah menjelaskan bahawa Presiden UMNO tidak berniat mahu membeza-bezakan pemimpin dengan ahli-ahli UMNO dan menganggap semua ahli yang hadir (termasuk pemimpin tertinggi) ke perhimpunan tersebut sebagai satu pasukan.

Berdasarkan penelitian ke atas tujuh ucapan para Presiden UMNO, KGND *saya* telah digunakan sebanyak 258 kali (23.8%), ia lebih bersifat neutral dan fleksibel digunakan dalam mana-mana peristiwa bahasa, sama ada formal ataupun tidak formal. Namun begitu, dalam keadaan-keadaan tertentu, KGND *saya* lebih bersifat serlah diri dan peribadi. Dari sudut pembinaan identiti kepimpinan, KGND *saya* berupaya 'membawa diri' pewacana secara sendiri sebagai presiden, juga melahirkan keinginan peribadi masing-masing.

Berdasarkan penelitian dan pentafsiran berkaitan KGND dalam ucapan para Presiden UMNO, ternyata pendekatan yang bersesuaian seperti CDA telah memungkinkan analisis bahasa dan sosial dilakukan secara serentak. Penggunaan KGND yang tertentu seperti *kita*, *saya*, dan *kami* telah menjadi satu daripada mekanisme pembentukan identiti yang penting dalam wacana ucapan seseorang pemimpin politik itu. Jelaslah bahawa hubungan antara bahasa dengan identiti sukar dipisahkan kerana bahasa penting dalam pembinaan identiti seseorang individu ataupun kelompok sosial dalam sesebuah masyarakat.

BIODATA

*Rohaidah Haron* merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah Analisis Wacana. Emel: eyda1826@um.edu.my

*Madiawati Mamat@Mustaffa* merupakan pensyarah kanan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah Sastera Rakyat dan Sastera Multimedia. Emel: atie@um.edu.my

*Maizira Abdul Majid* merupakan pensyarah kanan di Jabatan Sosiobudaya / Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah Pengurusan Seni dan Kesenian Melayu. Emel: maizira@um.edu.my

#### RUJUKAN

- Abdullah Hassan, & Ainon Mohd. (2003). *Komunikasi untuk pemimpin*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Alo Liliweri, M.S. (2003). *Dasar-dasar komunikasi antarabudaya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Amanat Dato' Onn 1946, hayatilah.* (2018). Diakses daripada <https://helenang.wordpress.com/2011/07/28/this-is-helen-angs-blog>
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir* (edisi ke-5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Zariza Ahmad. (1979). *UMNO Falsafah dan perjuangan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Knight.
- Benwell, B., & Stokoe, E. (2006). *Discourse and identity*. Edinburgh: University Press Ltd.
- Chamil Wariya. (1996). *Pemilihan UMNO 1996 profil, rekod dan prestasi calon-calon Naib Presiden*. Kuala Lumpur: IKSE Konsultant Sdn. Bhd.
- Chamil Wariya. (2015). *Strategi pemujuan Najib Razak dalam komunikasi politik*. Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute (MPI).
- Chang, G. C., & Mehan, H.B. (2008). Why we must attack Iraq: Bush's reasoning practices and argumentation system. *Discourse & Society*, 19(4), 453-482.
- Cheng, M. (2006). Constructing a new political spectacle: tactics of Chen Shui-bian's 2000 and 2004 Inaugural Speeches. *Discourse & Society*, 17(5), 583-608.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and social change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. London: Longman.
- Harishon Radzi, & Phylisia Anak David. (2015). Kata ganti nama dalam cerita hikayat Iban. Dlm. *Malaysia – Indonesia: Bahasa Sastera dan Budaya* (hlm. 33-50). Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hecht, M. L. (1993). A research odyssey: Toward the development of a communication theory of identity. *Communication Monographs*, 60(3), 76-82.
- Idris Aman, Zaharani Ahmad, Rosniah Mustaffa, Jamilah Mustafa, & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2008). Aksen, realiti, identiti, dan integrasi. Kertas kerja *Simposium Aksen Bahasa Kebangsaan*. Anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik (PPBL) FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 24 November.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepimpinan analisis wacana Mahathir Mohamad*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. (2009). Discourse and striving for power: An analysis of Barisan Nasional's 2004 Malaysian General Election Manifesto. *Discourse & Society Journal*, 20(6), 659-683.
- Idris Aman. (2010). *Analisis wacana*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imran Ho Abdullah, & Hazidi Abdul Hamid. (2003). Conceptualising us and them: A study of the presidential address in the UMNO General Assemblies 1990-2000. Dlm. Asmah Haji Omar, Halimah Mohd Said, & Zainab Abd Majid (Ed.), *Language and Empowerment*. Kuala Lumpur: Persatuan Bahasa Moden Malaysia.
- Joseph, J. (2004). *Language and identity, national, ethnic, religious*. New York: Palgrave Macmillan.
- Kamila Ghazali. (2004). *The rhetoric of Dr. Mahathir Mohamad a critical discourse perspective*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Karim Haji Abdullah. (1993). *Perjuangan suci UMNO*. Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise.

- Keller, A. T. (1997). Language and identity. Dlm. F. Coulmas (Ed.), *The Handbook of Sociolinguistics* (hlm. 315-326). UK: Blackwell Publishers.
- Koleksi Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad. (2018). Diakses daripada <http://www.pmo.gov.my/ucapan>
- Lu, L. W-L., & Ahrens, K. (2008). Ideological influence on BUILDING metaphors in Taiwanese presidential speeches. *Discourse & Society Journal*, 19(3), 383-408.
- Maimunah Osman. (2000). *Komunikasi berkesan – perhubungan interpersonal*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Maslida Yusof. (2018). Trend ganti nama diri bahasa Melayu dalam konteks media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 36-50.
- Mohamad Fauzi Sukimi. (2001). 'Melayu' sebagai identiti budaya politik Malaysia: Satu komentar. Dlm. *International Malaysian Studies Conference*. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 6-8 Ogos.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (1996). *Tatabahasa Dewan edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Mohd. Sanit, Zaharani Ahmad, & Harishon Mohd. Radzi. (2016). Variasi kata ganti nama dialek di pesisir Sungai Perak: analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Journal of Language Studies*, 16(1), 109-123.
- Norwati Mohd Zain, & Hishamudin Isam. (2013). Siapa 'Aku'? analisis blog wanita dan pengkid berasaskan pendekatan prosodi semantik. *Jurnal Linguistik*, 17(2), 49-62.
- Perhimpunan Agong UMNO 2004*. (t. th.). Diakses daripada [www2.utusan.com.my/Presiden\\_UMNO](http://www2.utusan.com.my/Presiden_UMNO).
- Presiden UMNO*. (t. th.). Diakses daripada [http://ms.wikipedia.org/wiki/Presiden\\_UMNO](http://ms.wikipedia.org/wiki/Presiden_UMNO).
- Roberts, B. (2007). Language as identity. Diakses daripada <http://eslteachersboard.com/cgi-bin/articles/index.pl?noframes;read=1644>
- Rohaidah Haron. (2016). *Bahasa dan identiti: Wacana UMNO Mohd Najib Razak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozaimah Rashidin, & Nor Diyana Saupi. (2011). Kata ganti nama dalam dialek Kerinci. *Jurnal Linguistik*, 14(12), 1-16.
- Sterling, P. (2008). Identity in language: An Exploration into the social implications of linguistic variation. *Texas A & M University*. Diakses daripada <http://glasscock.tamu.edu/agora/winter00/sterling.pdf>
- Swanson, C. (2000). Language and Identity in Australia. Diakses daripada <http://www.convictcreations.com/research/languageidentity.html>
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamad, & Jamaludin Badusah. (2015). *Komunikasi interpersonal teori dan amali*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Thomas, L., Wareing, S., Singh, I., Peccei, J. S., Thornborrow, J., & Jones, J. (2004). *Language, society and power: An introduction (Second Edition)*. London: Routledge.
- Ucapan Penuh Tun Hussin pada tahun 1977*. (t. th.) Diakses pada <https://keris7lok.blogspot.com/?m=1>
- Van Dijk, T.A. (2008). *Discourse & power*. New York: Palgrave Macmillan.
- Wan Mohd. Mahyiddin. (2007). *UMNO sejarah, organisasi dan pelaksana dasar*. Kuala Lumpur: HPI Lectures Sdn. Bhd.

- Wang, J. (2017). Representations of the Chinese Communist Party's political ideologies in President Xi Jinping's discourse. *Discourse & Society Journal*, 28(4), 413-435.
- Wardhaugh, R. (2006). *An introduction to sociolinguistics* (5th ed.). USA: Blackwell Publishing.
- Zahalan Man. (2003). *Daulat UMNO*. Kuala Lumpur: Kip Tech Sdn. Bhd.
- Zulkifli Md. Nasir, & A. Karim Hj. Abdullah. (1992). *UMNO teras politik Melayu teras negara*. Kuala Lumpur: Bukuraya Media.